

Matlamat Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Kelantan dan Kedah dalam mengekalkan Identiti Kurikulum Utama (Educational Goals of Community Religious School (SAR) in Kelantan and Kedah in Maintaining the Main Curriculum Identity)

*NOR AZLILI HASSAN, MOHD SYUJA SAEDIN, NORAZILAH BUHARI, NIK NORAZIRA ABDUL AZIZ & AZIZI UMAR

ABSTRAK

Sekolah Agama Rakyat (SAR) menggunakan Kurikulum Diniah sebagai identiti kurikulum utama yang mengutamakan keseimbangan kepada penguasaan ilmu agama Islam bercorak Turath dan pembangunan sahsiah. Hal ini telah memberi kepercayaan masyarakat terhadap kelangsungan SAR melalui pertambahan jumlah sekolah dan jumlah murid pada setiap tahun. Namun, masih wujud kekangan yang dihadapi oleh SAR dari segi identiti kurikulum utama. SAR telah mula kehilangan kurikulum Diniah yang menjadi identiti penting sejak zaman-berzaman. Kurikulum mata pelajaran pendidikan Islam dalam Kurikulum Kebangsaan dilihat berbeza dengan kurikulum mata pelajaran SAR. Selain mengalami perubahan isi kandungan, bahasa Arab juga didapati tidak lagi dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah agama. Mekanisme pelaksanaan dalam peruntukan masa dan pengkategorian mata pelajaran turut diabaikan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan matlamat pendidikan SAR di Kelantan dan Kedah dalam mengekalkan identiti kurikulum utama. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara analisis bertema yang melibatkan temu bual dengan enam orang informan daripada dua kumpulan sasaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa SAR di Kelantan dan Kedah berjaya mengekalkan identiti kurikulum utama mereka melalui komitmen yang kuat terhadap pendidikan agama dan sokongan padu dari komuniti. Pendidikan SAR mampu menghasilkan pelajar yang memahami dan menguasai ilmu agama Islam secara mendalam, memberikan keseimbangan akademik dan sahsiah Islam, menyediakan kemahiran dan menyumbang khidmat kepada masyarakat dan negara.

Kata Kunci: Matlamat pendidikan, Sekolah Agama Rakyat, kurikulum, identiti kurikulum utama

ABSTRACT

Community Religious School (SAR) uses the Diniah Curriculum as the main curriculum identity which prioritizes balancing the Islamic religious knowledge in the Turath concept and character development. This has given confidence to the community in their preference for SAR through the increasement in the number of schools and students each year. However, there are constraints faced by SAR in terms of the main curriculum identity. SAR has begun to lose the Diniah curriculum which previously has been an important identity. The curriculum of Islamic education subjects in the National Curriculum is seen as different from the SAR subject curriculum. Despite of the changes in its content, the Arabic language is no longer used as the medium of instruction in religious schools. The implementation mechanism in terms of time allocation and subject categorization has also been ignored. Therefore, this study was conducted to explain the goals of SAR education in Kelantan and Kedah in maintaining the main curriculum identity. This study applies a qualitative approach using thematic analysis involving interviews with six informants from two target groups. The findings show that SAR in Kelantan and Kedah have successfully maintained their core curriculum identity through a strong commitment to religious education and strong support from the community. SAR education can produce students who understand Islamic religious knowledge in depth, a balance of academics and Islamic character as well as skills and contribute to society and the country.

Keywords: Educational goals, religious schools, curriculum, main curriculum identity

PENGENALAN

Pendidikan adalah medium untuk membentuk nilai-nilai kemanusiaan secara menyeluruh, meliputi aspek spiritual, mental, dan fizikal. Melalui pendidikan, manusia dapat memahami perubahan dan pelbagai perilaku untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup, serta membangunkan peradaban dan tamadun yang cemerlang (Zainal Abidin et al., 2020). Untuk mencapai matlamat ini, institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam melaksanakan dan memastikan matlamat tersebut tercapai. Di Malaysia, institusi pendidikan Islam juga berperanan dalam pembangunan dan memperkasakan modal insan. Antara institusi pendidikan Islam yang pelbagai ini termasuklah Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN), Sekolah Agama Swasta (SAS), madrasah, dan pondok (Ismail & Sulong, 2017).

Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah bertapak di Malaysia sejak zaman pramerdeka, bermula dengan sistem pondok yang diusahakan oleh tokoh-tokoh agama atau tuan guru dengan bantuan masyarakat tempatan. Pada asasnya, sistem pondok ini merupakan sekolah persendirian yang menawarkan pendidikan asas mata pelajaran agama sebagai teras utama, di samping ilmu kemahiran lain (Umar & Hussin, 2008). Pada awal abad ke-20, sistem pondok mengalami perubahan dari sistem pengajian bukan formal kepada formal, atau dari sistem umum kepada nizam (Umar & Hussin, 2010). Sistem ini dikenali sebagai madrasah, yang hari ini disebut sebagai sekolah agama. Pada mulanya, sistem sekolah agama mengamalkan pembelajaran tradisional dengan kurikulum tersendiri yang diuruskan oleh pengelola sekolah (Ambotang & Majuleka, 2018). Kurikulum ini dianggap sebagai falsafah pendidikan Islam untuk mendidik generasi muda dengan baik, membantu mengembangkan kesediaan, bakat, kekuatan, dan ketrampilan mereka, serta menyiapkan mereka untuk memikul tanggungjawab terhadap diri, keluarga, dan masyarakat (Umar & Hussin, 2008). Terdapat pelbagai istilah kurikulum yang digunakan, seperti kurikulum Al-Azhar, kurikulum agama, kurikulum Arab, atau kurikulum agama dan Arab.

Kurikulum agama atau kurikulum Diniah merupakan teras utama di Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan menjadi identiti penting sekolah tersebut. Tanpa kurikulum Diniah, SAR tidak akan wujud (Umar, 2010). Diniah bermaksud agama dalam bahasa Arab dan menggambarkan setiap mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Arab untuk memahami agama Islam. Kandungan kurikulum Diniah terdiri daripada tiga komponen: pengajian Islam, mata pelajaran bahasa, dan kesusasteraan Arab. Setiap mata pelajaran ini mempunyai beberapa tahap dan peringkat dalam susunan silibus pengajiannya (Umar & Hussin, 2015). Kurikulum

SAR tidak hanya tertumpu kepada akademik, tetapi juga menekankan aspek pembangunan dan sahsiah diri. Ini telah meningkatkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap kelebihan SAR. Sambutan yang diterima sangat memberangsangkan, dilihat daripada peningkatan jumlah sekolah dan murid di setiap negeri dari semasa ke semasa, menunjukkan keperluan pendidikan Islam di negara ini, sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar (Ambotang & Majuleka, 2018). Walaupun tiada undang-undang khusus yang menetapkan kedudukan SAR di Malaysia, hak umat Islam untuk mendapatkan pendidikan Islam jelas dinyatakan dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan (Siren et al., 2018).

Perkembangan pesat SAR telah membawa kepada pelbagai jenis pentadbiran. Dalam konteks hari ini, SAR dibahagikan kepada lima kategori: pertama, ditadbir sepenuhnya oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dengan bantuan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti di Kedah, Perak, dan Pulau Pinang; kedua, ditadbir oleh Kerajaan Negeri seperti di Kelantan; ketiga, SAR yang diambil alih sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri seperti di Selangor, Terengganu, Melaka, dan Negeri Sembilan; keempat, SAR yang diambil alih oleh Kementerian Pelajaran dan dijadikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) seperti SMKA Masyhor di Pulau Pinang; dan kelima, SAR yang ditadbir bersama oleh Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelajaran melalui proses pendaftaran dan dijadikan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) (Umar & Hussin, 2015).

Kajian ini akan berfokus kepada SAR di Kedah dan Kelantan yang dikategorikan sebagai ditadbir sepenuhnya Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dibantu oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Kerajaan Negeri, kerana kedudukan SAR adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. SAR di Kedah dan Kelantan diurus berdasarkan konsep negeri masing-masing iaitu; SAR di Kedah berada di bawah seliaan Pertubuhan Hal Ehwal Sekolah Agama (HESA) merangkumi sekolah rendah Islam, sekolah menengah Islam, maahad tahfiz, sekolah pondok, pondok umum, sekolah pemulihan dan sekolah integrasi. (Hal Ehwal Sekolah Agama, 2024). Manakala SAR di Kelantan merangkumi maahad, sekolah menengah, sekolah rendah, dan sekolah sekolah pondok (Yayasan Islam Kelantan, 2021) adalah di bawah pengurusan Yayasan Kerajaan Negeri iaitu Yayasan Islam Kelantan (YIK) (Siren et al, 2018). Di Kedah dan Kelantan, SAR merupakan salah satu institusi pendidikan agama yang ditubuhkan oleh masyarakat setempat atau individu yang didaftarkan di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah Agama dan ditadbir sepenuhnya oleh LPS. LPS bertanggungjawab dalam sebarang keputusan sama ada pengambilan guru, pengambilan pelajar, penentuan jenis kurikulum dan

pelbagai bentuk pengurusan dibuat oleh pihak LPS. Dari sudut sumber kewangan SAR pula, ia dibiayai melalui hasil sokongan rakyat, bantuan zakat dari MAIN dan yuran pelajar yang amat minimum (Siren et al., 2018). Namun begitu, seksyen 52 Akta Pendidikan 1954 membolehkan menteri menghulurkan sumbangan kepada mana-mana institusi agama persendirian dalam bentuk per kapita untuk urusan pengajaran dan pembelajaran, bantuan modal membina atau membaiki bangunan, bantuan kursus guru, bantuan perpustakaan, dan bantuan buku teks di bawah skim pinjaman buku teks (Salleh & Rahman, 2014).

Reformasi pendidikan turut dihadapi oleh SAR untuk selaras dengan Kurikulum Kebangsaan sebagai wadah program pendidikan negara termasuklah kurikulum, kokurikulum, ekuiti dan pelaksanaannya (Saedin et al., 2023). Namun demikian, masih wujud kekangan yang dihadapi oleh SAR di Kedah dan Kelantan khususnya dari segi kurikulum utama. SAR telah mula kehilangan kurikulum *Diniah* yang menjadi identiti penting bagi sekolah agama sejak zaman-berzaman (Umar & Hussin, 2015). Kurikulum mata pelajaran pendidikan Islam dalam Kurikulum Kebangsaan dilihat amat jauh berbeza dengan kurikulum mata pelajaran SAR. Kurikulum SAR menekankan aspek subjek agama termasuk ibadah fardhu 'ain dan fardhu kifayah tanpa pendidikan akademik yang formal (Abdul Hadi & Burhanuddin, 2020). Selain mengalami perubahan isi kandungan, penekanan dari sudut bahasa iaitu penggunaan bahasa Arab tidak lagi dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah agama (Husaini et al., 2018). Malahan, mekanisme pelaksanaan dari sudut peruntukan masa dan pengkategorian mata pelajaran turut diabaikan (Umar & Naw, 2016), sehinggakan kualiti pengajian Islam tidak terjaga dan kurikulum tidak mempunyai pengiktirafan (Mohd Naw, 2021). Oleh sebab itu, kurikulum *Diniah* semakin diketepikan.

SAR di kedua-dua negeri ini bermatlamatkan sistem pendidikan yang sama dalam mengekalkan identiti kurikulum utama, namun dari sudut persepsi lain SAR dianggap menolak ilmu moden sehingga mementingkan ilmu akhirat semata-mata (Umar, 2010). Justeru, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan matlamat pendidikan SAR di Kelantan dan Kedah dalam mengekalkan identiti kurikulum utama.

SOROTAN LITERATUR

Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia, khususnya di Kelantan dan Kedah, memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti Islam dan budaya Melayu. Bermula dengan sistem pondok tradisional, SAR telah berkembang menjadi institusi pendidikan yang menggabungkan ilmu agama dan akademik. Matlamat utama pendidikan di SAR

adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah dalam semua aspek kehidupan, dengan menekankan pendidikan holistik yang merangkumi aspek spiritual, moral, dan intelektual. Kurikulum di SAR berbeza dengan sekolah sekular kerana ia menekankan pengajaran agama sebagai komponen utama. Walaupun menghadapi cabaran seperti kekurangan dana, usaha untuk memodenkan sistem pendidikan Islam terus dilakukan, termasuk penambahbaikan dalam kurikulum dan pendekatan pengajaran. Kerajaan negeri dan pusat, bersama-sama dengan sokongan masyarakat, memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan dan kejayaan SAR seperti pelaksanaan instrumen wakaf yang dapat membantu dalam menyumbang dana dalam bentuk kewangan dan aset tetap (Surita Hartini Mat Hassan et al., 2022).

Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia bermula dengan sistem pondok yang mengajar ilmu agama secara tradisional. Pada awal abad ke-20, sistem ini mengalami transformasi menjadi sistem madrasah yang lebih moden, dikenali sebagai sekolah agama (Umar & Hussin, 2008). SAR memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti Islam dan budaya Melayu, dengan kurikulum yang menekankan pelajaran agama sebagai teras utama. Matlamat utama pendidikan di SAR adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah dalam semua aspek kehidupan. Pendidikan di SAR tidak memisahkan antara ilmu agama dan akademik, sebaliknya menggabungkan kedua-duanya untuk membentuk individu yang seimbang dari segi rohani dan jasmani (Umar & Hussin, 2008). Falsafah pendidikan Islam yang diterapkan di SAR bertujuan untuk mendidik generasi muda dengan baik dan membantu mereka mengembangkan bakat serta ketrampilan yang diperlukan untuk memikul tanggungjawab terhadap diri, keluarga, dan masyarakat. Kurikulum di SAR pula menekankan pengajaran agama sebagai komponen utama, di samping ilmu akademik. Ini berbeza dengan sekolah sekular yang lebih fokus kepada pelajaran akademik sahaja (Umar & Hussin, 2008). Identiti kurikulum utama di SAR adalah untuk memastikan pelajar mendapat pendidikan yang holistik, yang merangkumi aspek spiritual, moral, dan intelektual.

SAR didapati menghadapi pelbagai cabaran termasuk kekurangan dana dan sokongan daripada kerajaan. Namun, usaha untuk memodenkan sistem pendidikan Islam di Kedah dan Kelantan terus dilakukan untuk memastikan SAR dapat bersaing dengan sekolah-sekolah lain (Solahuddin, 2015). Transformasi ini termasuklah penambahbaikan dalam kurikulum dan pendekatan pengajaran yang lebih moden. Kerajaan negeri dan pusat memainkan peranan penting dalam menyokong SAR melalui pelbagai inisiatif dan bantuan kewangan (Umar & Hussin, 2008; Nor Raudah Hj Siren et al., 2020). SAR

masih perlu memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan walaupun usaha mengintegrasikan kurikulum telah dilaksanakan bagi mencapai kelayakan minimum yang diperlukan (Siti Nasyrah Abdul Hisam, 2022). Selain itu, masyarakat juga turut serta dalam memastikan kelangsungan SAR dengan memberikan sokongan moral dan material.

Pada masa kini, terdapat kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Islam mengenai keberkesanan, kebaikan, dan martabat individu yang menghafal Al-Quran. Kesedaran ini telah mendorong ramai ibu bapa untuk memasukkan anak-anak mereka ke sekolah aliran tahfiz (Ulwan, 2015). Sistem pengajian tahfiz yang menggabungkan sistem akademik dan hafalan Al-Quran juga didapati selaras dengan kehendak pasaran global. Tambahan pula, gelaran “al-hafiz” atau “al-hafizah” sangat tinggi nilainya, baik di sisi Allah s.w.t. mahupun dalam pandangan masyarakat kini (Ismail, 2018). Terdapat pelbagai faktor yang mendorong ibu bapa memilih pendidikan agama aliran tahfiz untuk anak-anak mereka. Salah satu faktornya adalah ibu bapa yang sibuk mencari rezeki akibat kenaikan kos sara hidup, menyebabkan ustaz dan ustazah dalam bidang tahfiz mengambil alih tugas mendidik anak-anak dalam ilmu duniawi dan ukhrawi (Abdullah, 2018). Selain itu, ada juga ibu bapa yang bukan sahaja menggalakkan, tetapi juga ‘memaksa’ anak-anak mereka untuk menunaikan cita-cita yang mereka sendiri tidak dapat capai dahulu (Kamaruddin, 2017).

Salah satu usaha masyarakat dalam melahirkan seorang al-hafiz atau al-hafizah adalah dengan menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Agama Rakyat (SAR). SAR telah lama wujud di Tanah Melayu, bermula dengan institusi pondok yang diusahakan oleh tuan-tuan guru dengan bantuan rakyat tempatan dalam aspek pentadbiran, kewangan, perguruan, sukatan pelajaran, dan sebagainya (Ahmad Kilani, 2010). Institusi ini didaftarkan di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah Agama dan ditadbir sepenuhnya oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Ramai tokoh ulama nusantara, terutamanya di Kelantan, telah membuka institusi pondok atau sekolah agama yang mencapai zaman kegemilangannya pada awal abad ke-20 Masihi (Faisal & Noorzahidah, 2013). SAR diurus berdasarkan konsep yang diterjemahkan mengikut negeri masing-masing kerana kedudukannya di bawah Pihak Berkuasa Agama Negeri, yang diurus oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Sultan adalah ketua agama bagi negeri-negeri yang mempunyai sultan, manakala bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai sultan, Yang Dipertuan Agong adalah ketua agama. Walaupun begitu, kerajaan persekutuan tetap menjaga kemaslahatan SAR dalam memperkasakan sekolah agama di Malaysia. Kedudukan SAR berbeza dengan sekolah agama swasta (SAS), yang ditubuhkan oleh syarikat atau organisasi dan didaftarkan di bawah

Enakmen Pengawalan Sekolah Agama serta Akta Pendidikan, dan ditadbir sepenuhnya oleh LPS yang dilantik oleh syarikat atau organisasi berkaitan.

Sekolah Agama Rakyat (SAR) terus berkembang hingga ke hari ini dan dibiayai dengan sokongan rakyat, bantuan zakat, dan yuran pelajar yang sangat minimum (Abu Bakar, 2011). Jumlah SAR dan permintaan terhadapnya yang memberangsangkan ini telah menarik perhatian banyak pihak untuk memastikan SAR berkembang seiring dengan institusi pendidikan lain. Usaha ini bukan sahaja dilakukan oleh kerajaan, tetapi juga oleh pihak swasta dan NGO. Keadaan ini mungkin memberi kesan kepada dasar kerajaan yang mempengaruhi penubuhan dan perkembangan SAR. Kurikulum pendidikan SAR yang mengintegrasikan nilai-nilai budaya tempatan dan agama dalam membentuk identiti pelajar juga perlu diberi perhatian. SAR juga pasti menghadapi cabaran dalam mengekalkan identiti kurikulum seperti globalisasi dan perubahan sosial. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan matlamat pendidikan SAR di Kelantan dan Kedah dalam mengekalkan identiti kurikulum utama dan membandingkan status matlamat pendidikan SAR di Kelantan dan Kedah dengan dasar pendidikan kebangsaan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan tematik yang mana ianya melibatkan temu bual dengan enam orang informan daripada dua kumpulan sasaran. Pemilihan informan adalah penting bagi memastikan hasil dapatan memenuhi objektif kajian untuk menjelaskan matlamat pendidikan SAR di Kelantan dan Kedah. Kaedah *purposive sampling* digunakan bagi memastikan pemilihan jumlah sampel yang tepat bagi menjaga kebolehpercayaan terhadap hasil kajian (Friday & Leah, 2024). Kaedah ini dipilih bagi tujuan mengecilkan kumpulan informan dengan cepat dan berkesan. Kriteria yang ditetapkan bagi tujuan pemilihan informan ialah:

- i. Mempunyai latar belakang perguruan.
- ii. Tahap pengajian sekurang-kurangnya peringkat diploma.
- iii. Pengalaman dalam pengelolaan sekolah sekurang-kurangnya 5 tahun.
- iv. Memegang jawatan tinggi dari sudut kedudukan pangkat, kelayakan dan autoriti.
- v. Masih aktif melibatkan diri dalam aktiviti sosial pendidikan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Tiga orang informan daripada Pejabat Hal Ehwal Sekolah Agama (HESA) Kedah dan tiga daripada Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) Kelantan telah dipilih bagi proses temu bual yang dilakukan pada 14 Januari 2024.

Kesemua informan pernah menjawat jawatan sebagai guru serta mempunyai pengalaman melebihi lima tahun dalam urusan pentadbiran sekolah dan juga merupakan aktivitis sosial dalam bidang pendidikan. Penjelasan data demografik semua informan adalah ditunjukkan di dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Data demografik informan

No.	Informan	Tahap pengajian tertinggi	Bidang pengajian	Pengalaman dalam pengajaran (tahun)	Pengalaman dalam pengelolaan sekolah (tahun)
1.	Informan 1	Diploma	Agama	Melebihi 15	11 - 15
2.	Informan 2	Diploma	Pentadbiran Perniagaan	Melebihi 15	11 – 15
3.	Informan 3	Sarjana Muda	Pengajian Islam - Syria	Melebihi 15	Melebihi 15
4.	Informan 4	Sarjana	B. Arab - Al-Azhar P. Islam (Ma) -OUM	Melebihi 15	6 - 10
5.	Informan 5	Sarjana	Syariah Islamiyyah – Al-Azhar Science (Ma) - UUM	Melebihi 15	11 -15
6.	Informan 6	Sarjana Muda	Pentadbiran Pendidikan - OUM	Melebihi 15	Melebihi 15

Hasil temu bual ditranskripsi dan dianalisa secara manual bagi tujuan menyokong objektif kajian. Ianya dilakukan dengan mengelaskan data-data tersebut mengikut tema yang telah ditetapkan. Proses pembinaan tema dapatan kajian dilakukan dengan meletakkan kod (coding) yang dikhususkan untuk sesuatu tema tersebut berserta dengan definisi operasional bagi membantu pengkaji merujuk keterangan tema berpandukan kod yang telah diberikan. Kesahan dan kebolehppercayaan dalam kajian ini melibatkan pengesahan soalan temu bual dan tema yang dibina oleh pakar bidang. Rakaman yang dijalankan dalam sesi temu bual adalah rakaman suara. Rakaman suara bagi setiap informan kemudiannya ditranskrip oleh pengkaji dengan kadar segera supaya semua teks transkrip dapat diserahkan kepada informan yang terlibat untuk mereka membaca kembali segala isi perbualan dan keterangan daripada maksud perbualan. Para informan dibenarkan untuk membetulkan fakta yang tersilap seterusnya menandatangani teks transkrip. Pembetulan fakta, pengakuan dan pengesahan informan terhadap data temu bual ini menjadikan kesahan dan kebolehppercayaan terhadap data dapat ditingkatkan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Kelantan dan Kedah mempunyai sejarah yang panjang yang berkait rapat dengan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia (Azizi & Supyan, 2008). Contohnya, hubungan antara Kelantan dan Mesir dalam membangunkan kurikulum diniah di SAR. Ianya juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti kurikulum utama yang berteraskan nilai-nilai Islam. Institusi seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) memainkan peranan penting dalam meneruskan pendidikan agama melalui sekolah-sekolah naungan mereka (Siti

Fathihah, 2024). Matlamat utama pendidikan di SAR adalah untuk memastikan pelajar memperoleh pengetahuan agama yang mendalam serta mampu mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan matlamat Pendidikan SAR di Kelantan dan Kedah dalam mengekalkan identiti kurikulum utama. Berdasarkan temu bual mendalam dengan enam (6) orang pengelola sekolah, beberapa tema utama telah dikenalpasti.

MATLAMAT PENDIDIKAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT DI KELANTAN DAN KEDAH

SAR bertujuan untuk menanamkan nilai-nilai Islam yang kukuh dalam diri pelajar. Ini termasuklah akhlak mulia, disiplin diri, dan tanggungjawab sosial (Azizi & Supyan, 2008). Pengelola sekolah menekankan bahawa matlamat utama pendidikan di SAR adalah untuk membentuk pelajar yang berakhlak mulia dan berpengetahuan agama yang mendalam. Pendidikan agama yang kukuh adalah asas kepada pembentukan peribadi yang baik dan masyarakat yang harmoni. Matlamat pendidikan SAR adalah untuk menghasilkan pelajar yang seimbang dari segi sahsiah, peribadi, dan akademik. Sekolah-sekolah ini mempunyai misi dan visi untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam kedua-dua aspek duniawi dan ukhrawi.

“Matlamat pendidikan adalah menuju kepada agama. yang mencorakkan sahsiah pelajar.”

(Informan 2)

“Matlamat Pendidikan sekolah agama ni secara umumnya adalah untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang seimbanglah dari sudut sahsiah, peribadi dengan akademik. Secara umumlah. Sebenarnya setiap sekolah ni dia ada misi dan visi lain tapi lebih kurang samalah untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dua-dua, duniawi dan juga ukhrawi.”

(Informan 5)

Kurikulum di SAR adalah dirancang untuk memberikan pelajar suatu penguasaan yang mendalam dalam ilmu-ilmu agama seperti Fiqh, Tauhid, dan Tafsir (Siti Fathihah, 2024). SAR di Kelantan dan Kedah berusaha untuk mengekalkan identiti kurikulum utama mereka dengan memastikan bahawa subjek-subjek agama seperti Fiqh, Tauhid, dan Sirah diajar dengan mendalam. Selain itu, mereka juga mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam semua aspek pembelajaran, termasuk subjek akademik (Ismail, 2018) seperti Matematik dan Sains:

“Susah nk jumpa mengaji kitab arab sebab sekolah yang lain akan pegang satu silibus untuk SPM tetapi kaedah untuk mencorak pelajar adalah berbeza. Contohnya, di sekolah saya amalkan baca Quran, mathurat pada masa yang sama memenuhi kurikulum. Matlamat sama tetapi kaedah berbeza silibus penuh...silibus berbeza dengan dahulu.”

(Informan 2)

“Matlamat is Quran yang sama. Isi tidak berubah. Cara berbeza. Dulu guna kitab. Sekarang pondok pon digital, mengikut zaman, mengekalkan thurat mengikut zaman. Kalau nak kekalkan kitab warna kuning seperti tidak relevant. Kitab sebagai rujukan.”

(Informan 1)

Selain itu, SAR juga menekankan kepada pembangunan sahsiah pelajar dan memastikan mereka menjadi individu yang berintegriti dan berakhlak mulia (Azizi & Supyan, 2008). SAR tidak hanya fokus pada aspek akademik dan agama, tetapi juga pada pembangunan sahsiah pelajar. Pendidikan holistik ini bertujuan untuk membentuk individu yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani, dan sosial seterusnya boleh membantu pelajar mengaplikasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka.

“Matlamat Pendidikan sekolah agama ni secara umumnya adalah untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang seimbanglah dari sudut sahsiah, peribadi dengan akademik. Secara umumlah. Sebenarnya setiap sekolah ni dia ada misi dan visi lain tapi lebih kurang samalah untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dua-dua, duniawi dan juga ukhrawi.”

(Informan 5)

“Matlamat sekolah ini adalah untuk, i) Melahirkan peribadi-peribadi yang sanggup memikul tanggungjawab sebagai ulama’-ulama’ dan petugas-petugas dalam pelbagai urusan kehidupan keagamaan mengikut peringkat kemampuan dan bakat masing-masing. ii) Melahirkan peribadi-peribadi yang mampu menjalankan tugas-tugas seharian secara berdikari sebagai peniaga, usahawan dan pekerja mahir yang

memegang teguh dengan disiplin agama dalam pekerjaan serta mempunyai sikap tanggungjawab, dan iii) Melahirkan peribadi-peribadi yang bersedia memberi khidmat kemasyarakatan dalam semua peringkat daan keadaan yang memerlukan.”

(Informan 3)

CABARAN DALAM MENGEKALKAN IDENTITI KURIKULUM UTAMA SAR DI KELANTAN DAN KEDAH

Salah satu cabaran utama adalah kekurangan sumber kewangan dan tenaga pengajar yang berkecukupan. Ini boleh menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan (Azizi & Supyan, 2008). Tambahan pula, SAR dibiayai dengan sokongan rakyat, bantuan zakat dan yuran pelajar (Abu Bakar, 2011). SAR sering bergantung kepada sumbangan masyarakat dan bantuan kerajaan yang terhad. Kekurangan dana ini boleh menjejaskan kemampuan sekolah untuk menyediakan kemudahan yang mencukupi dan berkualiti. Tambahan pula, kekurangan dana boleh menyebabkan infrastruktur sekolah seperti bangunan, makmal, dan perpustakaan tidak dapat diselenggara dengan baik atau dinaik taraf. Ini boleh menjejaskan proses pembelajaran pelajar. SAR mungkin menghadapi kesukaran untuk merekrut guru yang berkecukupan kerana gaji yang ditawarkan mungkin tidak kompetitif berbanding sekolah arus perdana. Kekurangan guru berkecukupan akhirnya boleh menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Guru yang tidak cukup terlatih mungkin tidak dapat menyampaikan kurikulum dengan berkesan. Terdapat juga guru di SAR yang mungkin terpaksa mengajar lebih banyak kelas atau subjek kerana kekurangan tenaga pengajar. Ini boleh menyebabkan keletihan dan menjejaskan kualiti pengajaran.

“Kerajaan bantuannya melalui Jakim. Jakim bagi bantuan setahun sekali. Cuma bantuan berbentuk baik pulih, prasarana. Cuma lately makin ketat. Dan bukannya setiap tahun, skop pon makin kecil. Cth; 50k buat tembok, buat pagar, tandas. Tiada syarat. Cuma masa sekarang dengan ekonomi yang sangat teruk, kita masih boleh mohon sumbangan untuk baik pulih tapi sangat sukar untuk mohon bantuan untuk pentadbiran. Contohnya bayar gaji sebab rakyat lihat itu sebagai kelemahan pengurusan. Sebab tu, kita mengharapkan perkapita supaya selesai masalah kita. Dah 2 bulan xbayar gaji guru. Kita nak mohon sumbangan pembangunan dengan rakyat tu sangat mudah. Tapi untuk sumbangan byr gaji guru, payah. Sumbangan untuk pembangunan tak susah sebab datang daripada rakyat. Cth; kita dapat 10k untuk siapkan bangunan. Takkan saya nak ambil 10k untuk bayar gaji sebab 10k tu untuk bangunan. Supaya orang lihat pembangunan itu berjalan.”

(Informan 2)

Di samping itu, SAR juga perlu bersaing dengan sekolah-sekolah arus perdana yang menawarkan kurikulum yang lebih berorientasikan akademik dan ekonomi. SAR menekankan pendidikan agama dan pembangunan sahsiah, dengan kurikulum yang berfokus pada pengajaran agama Islam, bahasa Arab, dan nilai-nilai moral. Manalaka sekolah arus perdana cenderung menawarkan kurikulum yang lebih berorientasikan akademik dan ekonomi, dengan penekanan pada mata pelajaran seperti Sains, Matematik, dan Teknologi, yang dianggap penting untuk kemajuan ekonomi dan peluang pekerjaan.

“Dia mengurangkan ilmu sebab berteraskan peperiksaan., so sejujurnya yang mengaji 14 ilmu, jadi hanya agama sebagai tempelan sahaja. So adakah kita nak jadikan SAR menjadi tempelan. Sebab itu tanggungjawab kerajaan. Tahap pendidikan kita adalah tahap ilmu. Silibus dalam SAR lagi banyak.”

(Informan 1)

“Ilmu agama di SAM tidak menjadikan pelajar sebagai orang alim. SABK punya silibus tidak membolehkan lepasannya sbg alim ulamak. Kalu nak jadi alim ulamak, kena belajar lebih lagi. Masalah yang wujud... 1) ada had untuk bukak sekolah agama, kelas. 2) ada istilah guru Lembaga dgn guru kerajaan. 3) matapelajaran kita terpaksa ikut kurikulum mereka. Mereka cantum semua jadi satu. Isi sudah sikit. Dulu jadi buku, tapi sekarang jadi bab. Ini antara kelemahan-kelemahan dlm SABK. Cuma kita tidak nafikan kalau SABK semua kerajaan bantu lah. Tapi dari sudut agama kurang terjamin. Di SAR, kita utamakan ilmu agama dan kebajikan.”

(Informan 2)

Terdapat juga cabaran dalam penyelarasan antara pihak sekolah dengan kerajaan negeri dan persekutuan, yang kadangkala boleh menjejaskan pelaksanaan kurikulum. Kerajaan negeri dan persekutuan mungkin mempunyai dasar dan keutamaan yang berbeza dalam pendidikan. Ini boleh menyebabkan ketidakselarasan dalam pelaksanaan kurikulum di SAR. Kerajaan negeri mungkin lebih fokus pada pendidikan agama dan tradisional, manakala kerajaan persekutuan mungkin menekankan pendidikan yang lebih berorientasikan akademik dan ekonomi.

“Mengaji secara sekolah. Bila belajar secara sekolah, 95% semuanya mengambil peperiksaan awam. Bila dah ambil peperiksaan awam, dia dah terkeluar daripada sistem sekolah agama... untuk menyatukan semua institusi pendidikan agama di Kedah. Kami pentadbir berdepan banyak masalah. Bila berurusan dengan pihak kerajaan iaitu orang Putrajaya, mereka tidak menganggap kami sebagai SAR. Istilah depa adalah sekolah swasta. Jadi depa cuba buat perubahan untuk pujuk masuk swasta. Tapi Kedah iktiraf kami sbg SAR dan diberi bantuan. Kami di bawah kerajaan negeri dapat skim pinjaman buku teks, guru Majlis, gaji bayar

oleh Majlis kerajaan negeri. Bila counter balik dgn Putrajaya kalau jadi swasta, kami tidak akan dapat lagi keistimewaan.”

(Informan 2)

“Agama kita ni berdasarkan kepada Bahasa arab, Bahasa arab itu adalah Bahasa orang Islam, kurikulum utama tu juga dia cukup menekankan Bahasa arab.

Cuma dia berlaku perubahanlah mengikut zaman dan masa. Dulu kita guna buku majlis agama Islam Kelantan kalau masih ingat, MAIK. Sekarang ni kita banyak menggunakan buku Azhariah lah daripada Maahad Buuth, Mesir dari sudut penekanan bahasa. Dia menekankan kepada masalah-masalah rohani, akhlak nak biar pelajar-pelajar ni baikbudi dari sudut akhlak. Dan dia boleh berjasa kepada masyarakat kampung pula. Ini berlainan dengan yang perdana ni kadang-kadang tak nampak pun. Kita tengok dari sudut sijil kecemerlangan masuk universiti.”

(Informan 4)

STRATEGI UNTUK MENGEKALKAN IDENTITI KURIKULUM UTAMA DI KELANTAN DAN KEDAH

SAR boleh menjalin kerjasama dengan institusi pendidikan untuk memperkukuhkan kurikulum mereka (Azizi & Supyan, 2008). Universiti dan kolej boleh membantu SAR dalam penyelidikan dan pembangunan kurikulum yang lebih relevan dan berkesan. Ini termasuklah mengintegrasikan elemen-elemen moden seperti teknologi pendidikan dan pedagogi terkini. SAR juga boleh menjalin kerjasama dengan institusi pendidikan Islam lain untuk pertukaran pengetahuan dan amalan terbaik dalam pengajaran agama. Ini boleh membantu memperkukuhkan kurikulum agama di SAR, tanpa mengorbankan identiti dan matlamat pendidikan agama mereka.

“Kita mewujudkan kerjasama dengan Institut Aminuddin Baki (IAB) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim (IPG KSAH). Seterusnya kita menyemak dan meneliti mana-mana silibus pembelajaran yang sesuai pada hari ini, untuk diserapkan ke dalam kurikulum Maahad. Kita memperbanyakkan rangkaian institusi mengguna pakai kurikulum Maahad, setakat ini sudah 37 buah institusi yang menggunakan kurikulum Maahad.”

(Informan 3)

“Kita menubuhkan satu NGO namanya Persatuan Pengetua-pengetua SMUA yang bergerak di bawah kuasa YIK. Persatuan ini menghimpunkan semua sekolah menengah agama rakyat (SMAR) di Kelantan. Nak kekalkan kurikulum asal sekolah kena ada kuasa juga, jadi, kami gunakan persatuan ni untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak YIK, MAIK ataupun KPM seterusnya mempertahankan kelangsungan kurikulum sekolah.”

(Informan 5)

Selain itu, melalui latihan dan pembangunan profesional untuk guru-guru, kualiti pengajaran di SAR dapat ditingkatkan. Latihan dan pembangunan profesional boleh membantu guru-guru SAR menguasai teknik pengajaran moden yang lebih berkesan. Ini termasuk penggunaan teknologi dalam pengajaran, pendekatan berpusatkan pelajar, dan strategi pengajaran yang inovatif.

“Pertamanya, kita ambil tenaga pengajar yang betul2 mahir dan alim dalam bidang ilmu mereka. Contohnya, subjek Bahasa Arab, pastikan dia ada kelulusan yang setaraf. Keduanya, pengajar ni kita berikan latihan mengajar samada di sekolah atau hadir mana-mana program luar untuk beri pendedahan pengajaran dia lah. Ketiganya, kita adakan jaringan hubungan dengan universiti tempatan dan luar negara untuk berkongsi idea tentang ilmu-ilmu Islam Turath dan kaedah pengajaran dan pembelajaran.”

(Informan 4)

Integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran boleh membantu SAR untuk kekal relevan dan menarik minat pelajar. Walaupun silibus dan cara pengajaran berubah mengikut zaman, matlamat utama pendidikan tetap sama. Kitab-kitab tradisional kini digunakan sebagai bahan rujukan, sementara pengajaran adalah lebih digital dan relevan dengan zaman moden.

“Kita SriTi, sek rendah Islam di semua negeri, semua daerah ada. Sriti sedang diusaha sama baik dengan Pasti. Begitu juga Smiti. Inilah usaha yang cuba dibuat oleh pihak PAS utk memodenkan pengajian agama. Dalam Sriti smiti kita memasukkan moden. By 2025, semua Sriti Smiti akan berpusat secara digital, online. By 2024, kita buat pilot. 2025-26 kita wajibkan semuanya. Usaha yang sebegini selalunya mampu dibuat oleh budget yang besar. Digital ni kita terapkan dalam semua urusan. Kita hantar nota by wassup. Buat kelas online. E-learning inilah usaha pelan-pelan dibuat oleh sekolah agama. Tapi bersangkutan dengan kemampuan cikgu sendiri.”

(Informan 2)

“Dulu guna kitab. Sekarang pondok pon digital, mengikut zaman, mengekalkan thurat mengikut zaman. Kalau nak kekalkan kitab warna kuning seperti tidak relevant. Kitab sebagai rujukan.”

(Informan 1)

Pendidikan agama di SAR adalah penting untuk mengekalkan identiti Islam dalam kalangan pelajar. Kajian ini menunjukkan bahawa SAR di Kelantan dan Kedah berjaya mengekalkan identiti kurikulum utama mereka melalui komitmen yang kuat terhadap pendidikan agama dan sokongan padu dari komuniti. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, sekolah-sekolah ini terus berusaha untuk mencapai matlamat pendidikan mereka dan membentuk

generasi yang berakhlak mulia dan berpengetahuan. SAR perlu terus beradaptasi dan berkembang untuk memastikan mereka dapat memenuhi keperluan pendidikan moden sambil mengekalkan identiti kurikulum utama mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini menjelaskan matlamat pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Kelantan dan Kedah dalam mengekalkan identiti kurikulum utama mereka. SAR menggunakan kurikulum Diniah yang menekankan penguasaan ilmu agama Islam dan pembangunan sahsiah. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran seperti kekurangan sumber kewangan dan tenaga pengajar, SAR di Kelantan dan Kedah masih mampu mengekalkan kurikulum Diniah sebagai identiti kurikulum utama komitmen yang kuat terhadap pendidikan agama dan sokongan padu dari komuniti. Pengekalan kurikulum Diniah adalah perlu kerana ia adalah satu-satunya kurikulum yang mampu menghasilkan pelajar yang dapat menguasai dan mendalami ilmu-ilmu Islam *Turath* dengan menggunakan Bahasa Arab dan membangunkan sahsiah pelajar dengan akhlak yang mulia. SAR menghadapi pelbagai cabaran seperti masalah kewangan, persaingan dengan kurikulum kebangsaan dan ketidakselarasan dalam pelaksanaan kurikulum lantaran pertindanan kuasa antara LPS, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Namun begitu, SAR sehingga kini terus berusaha untuk mempertahankan kurikulum utama mereka agar terus relevan dan menarik minat pelajar. Antara strategi yang diambil adalah mengadakan jalinan kerjasama dengan institusi pendidikan, latihan dan pembangunan profesional untuk tenaga pengajar dan integrasi nilai-nilai Islam dan teknologi dalam semua aspek pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini menawarkan beberapa sumbangan baru dan unik dalam bidang pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia, khususnya di negeri Kelantan dan Kedah. Kajian ini menekankan kepentingan kurikulum Diniah sebagai identiti kurikulum utama SAR. Ia mengkaji bagaimana SAR di Kelantan dan Kedah berjaya mengekalkan kurikulum ini walaupun menghadapi pelbagai cabaran, termasuk perubahan dalam kurikulum Kebangsaan dan kekurangan sumber kewangan. SAR juga mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam semua aspek pembelajaran, termasuk subjek akademik seperti Matematik dan Sains. Ini memberikan pandangan baru tentang bagaimana pendidikan agama boleh diintegrasikan dengan pendidikan moden. Sesungguhnya, kurikulum Diniah SAR mempunyai jasa yang cukup besar dalam memberi pendidikan agama dan akhlak yang sempurna kepada masyarakat Islam di Malaysia. Ia telah menghasilkan ramai tokoh ulama dan pemimpin tersohor di negara kita.

Kurikulum Diniyah SAR yang mempunyai integrasi pendidikan duniawi dan ukhrawi dilihat antara faktor pilihan ibu bapa masakini. Justeru, pihak berwajib seperti kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan perlu memberi sokongan dan bantuan demi kelangsungan SAR. Di samping itu, SAR diharap supaya dapat mengukuhkan lagi kurikulum Diniyah dan menerima penambahbaikan tertentu seiring dengan arus perkembangan dunia pendidikan yang global dan moden.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada *UTAR Research Fund IPSR/RMC/UTARRF/2023-C1/M02* untuk projek bertajuk “Cabaran Gerakan Sosial Pendidikan Dalam Mengekalkan Identiti Kurikulum Utama” daripada Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang menyumbang kepada penerbitan penulisan artikel ini.

RUJUKAN

- Ambotang, A. S., & Majuleka, N. A. 2018. *Peranan Sekolah Agama Rakyat dalam pembentukan modal insan*. UMS Official Website. <http://arkib.ums.edu.my>
- Abdullah, H. 2018. Guru tahfiz tak berkualiti? *Utusan Malaysia*. Dipetik daripada: https://www.ukm.my/pkk/wp-content/uploads/bsk-pdf-manager/160218-Guru_Tahfiz_Tak_Berkualiti-Utusan_1607.pdf
- Abdullah, M., Abdullah, A.H., Rosman, A.S. & Ilias. 2015. Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu sorotan sejarah. *International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship*, di Resort World Langkawi, Tanjung Malai, Langkawi Pada 12-14 Oktober 2015.
- Abdul Hadi, A. Z. S. & Burhanuddin, F. 2020. Pelaksanaan sistem pondok di Madrasah al-Hidayah al-Hukmiyah Jitra Kedah. *Jurnal Perspektif*, 13(1), 14-25.
- Abu Bakar Chik. 2011. Membangun gagasan baru Pendidikan Islam Malaysia. Dlm. Azrin Ab Majid (ed.) *Pendidikan Islam Malaysia: Membangun gagasan baru*, Edisi 2. Selangor: Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, h. 6.
- Ahmad Kilani. 2010. *Pengurusan pendidikan di sekolah: Huraian menurut perspektif Islam*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Umar & Supyan Hussin. 2008. Hubungan Malaysia dan Mesir dalam membangunkan kurikulum Diniyah di Sekolah Agama Rakyat: Suatu kajian perkembangan dan cabaran di Kelantan. *Research Gate*, 1-14.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Noorzahidah binti Mohd Zain. 2013. Ustaz Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah: Sumbangannya terhadap Pendidikan Islam di Kelantan. *Jurnal Al-Tamaddun*, 8(2):103.
- Friday, N & Leah, N. 2024. Types of purposive sampling techniques with their examples and application in qualitative research studies. *British Journal of Multidisciplinary and Advanced Studies: English Lang., Teaching, Literature, Linguistics & Communication*, 5(1): 90-99.
- Hal Ehwal Sekolah Agama (HESA) Kedah. 2024. *Senarai institusi kelolaan HESA KEDAH*. <http://hesakedah.org.com>
- Husaini, M. H., Yusoh, A. M., Mat Ali, A, Pisol, M. I., Razali, A. S. M, Saad, D. U. M, Aziz, M. B., & Rani, J. 2018. Kurikulum Bersepadu Dini: Pelaksanaan dan cabaran. 4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018. *E-Prosiding IRSYAD 2018*, 913– 920.
- Ismail, A., & Sulong, J. 2017. Management’s method of cash waqf in Folk’s Religious School (SAR). *Prosiding Persidangan Serantau Fiqh Harta dan Masyarakat Wassatiy* (2017), 365– 371.
- Ismail, S. 2018. Sejarah perkembangan dan status terkini Pengajian Tahfiz di Malaysia: Manhaj dan model. *Muzakarah Institusi Tahfiz Negara*, di Kompleks Dakwah Darul Murtadha Sungai Petani Kedah. Dipetik daripada https://www.researchgate.net/publication/328730283_sejarah_perkembangan_dan_status_terkini_pengajian_tahfiz_di_malaysia
- Kamaruddin, M. 2017 Disember 14. Jangan paksa anak jadi doktor. *Utusan Malaysia*. Dipetik daripada: <https://madeinuitm.com/jangan-paksa-anak-jadi-doktor/>
- Mat Hassan, S. H., Ayub, M.N., Hamid, C. K., Abdullah, S. R., Yahaya, S., & Fazial, F. 2022. Tadbir urus Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Proceeding Borneo Islamic International Conference EISSN*. 13, 108 – 112.
- Mohd Nawawi, M.Z. 2021. Senario penstrukturan pengajian Islam di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Science*, 6(1), 57-66.
- Nor Raudah Hj Siren, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Siti Jamiaah Abdul Jalil & Azrin Abdul Majid. (2020). Kepekabagaian pengurusan sekolah agama di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 13(1), 45-56.
- Saedin, M., Hassan, N. A., Buhari, N. Latif, T., Abdul Aziz, N. N. 2023. Amalan pendemokrasian pendidikan dalam pengelolaan Sekolah Agama Islam dan Sekolah Cina di Malaysia. *International Journal of Modern Education*, 5(17), 319 – 338.
- Salleh, M & Rahman, A. N. S. 2014. *Waqaf pendidikan di Malaysia: Satu tinjauan*. Kertas kerja *International Research Management and Innovation Conference 2014* (IRMIC2014). Kuala Lumpur.
- Siren, N. R., Abdul Jalil, S. J., & Abdul, I., 2018. Kepekabagaian pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 13(1), 45 – 56.
- Siti Fathihah Binti Abd Latif. 2024. Penerusan pendidikan Agama melalui sekolah naungan Majlis Agama Islam

- dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), 1942-1976. *MINDEN Journal of History and Archaeology*, 1(1), 71-85.
- Siti Nasyrah Abdul Hisam. 2022. The position of Madrasah and Community Religious School (SAR) under Malaysian law. *Journal of Law & Governance*, 5(1), 30-36.
- Solahuddin, I. 2015. Transformasi sistem pendidikan Islam di Kedah: Usaha memodenkan disiplin pengajian Islam. Dipetik daripada https://www.academia.edu/6911263/TRANSFORMASI_SISTEM_PENDIDIKAN_ISLAM_DI_KEDAH_USAHA_MEMODENKAN_DISIPLIN_PENGAJIAN_ISLAM
- Surita Hartini Mat Hassan, Mohd Nasir Ayub, Che Khadijah hamid, Sakinatul Raadiyah Abdullah, Salimah Yahaya & Farahdina Fazial. 2022. Tadbir urus wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Prosiding Borneo Islamic International Conference*, 13(2022), 108-112.
- Ulwan, A. N. 2015. *Tarbiyatul Aulad* (Edisi Terjemahan). Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Umar, A. & Hussin, S. 2008. Peranan Kerajaan Negeri dan Pusat ke atas Sekolah Agama Rakyat: Satu kajian masalah pengurusan bersama terhadap pemilikan kuasa. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 18(2), 19 – 40.
- Umar, A. 2010. *Sekolah Agama Rakyat (SAR) dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan: Realiti, cabaran dan masa Depan*. Konvensyen Pendidikan Islam Malaysia. Shah Alam.
- Umar, A. & Hussin, S. 2010. Status Sekolah Agama Rakyat (SAR) dalam sistem Pendidikan kebangsaan: Catu cadangan model penyelesaian. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara kali ke-4*. Bangi.
- Umar, A. & Hussin, S. 2015. Peranan Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan sistem Madrasah di Malaysia: Kajian ke atas pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), 21 – 30.
- Umar, A. & Naw, N. H. M. 2016. Kekangan peruntukan waktu mata pelajaran Kurikulum Diniah di Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Kelantan dalam memenuhi kurikulum kebangsaan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 17, 53 – 67.
- Yayasan Islam Kelantan. 2021. Senarai sekolah YIK mengikut kategori. Yayasan Islam Kelantan Official Website. <http://www.yik.edu.my>
- Zainal Abidin, M. Z. H, Ismail, H., Yusof, M. Y., Mohd Noh, A. M., Hassan, P., Jelani, A. B., & Ramli, M. A. 2020. Demokrasi pendidikan dalam sistem pengajian di Institusi Pondok: Pelaksanaan dan amalan. *Ideology Jurnal*, 5(1), 119 – 130.
- Nor Azlili Hassan
Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman,
43000 Sg Long Kajang Selangor, Malaysia
azlili@utar.edu.my
- Mohd Syuja Saedin
Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman,
43000 Sg Long Kajang Selangor, Malaysia
syuja@utar.edu.my
- Norazilah Buhari
Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman,
43000 Sg Long Kajang Selangor, Malaysia
norazilah@utar.edu.my
- Nik Norazira Abdul Aziz
Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman,
43000 Sg Long Kajang Selangor, Malaysia
niknorazira@utar.edu.my
- Azizi Umar
Pusat Pengajian Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600
Bangi Selangor, Malaysia.
aziziumar@ukm.edu.my
- *Penulis Perhubungan: azlili@utar.edu.my
Dihantar: 15 Januari 2025
Dinilai: 2 Februari 2025
Diterima: 17 Mac 2025
Diterbitkan: 30 Mei 2025